



KAMARUDIN (enam kanan) bersama pegawai utama UMS sempena program Sesi Town Hall UMSKAL.



# Peluang sertai dialog konstruktif

UB 30.1.2018 B4

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin telah mempengerusikan Sesi Town Hall Siri 2/2018 di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Ahad.

Turut menyertai program itu ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Rasid Mail dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali.

Selain itu, Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad, Bendahari Zallifah Shadan, Ketua Pustakawan Dayang Rukiah Ag Amit dan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Program yang bermula jam 9 pagi itu turut dihadiri Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya

## ► Kamarudin pengerusikan Sesi Town Hall di UMSKAL



MURNIZAM menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Dr Zaiton Othman, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim serta Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohammad Tuah.

Timbalan Pengarah Pusat

Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) Prof Madya Dr Abdul Hamid Ahmad bertindak sebagai moderator program itu yang dihadiri pegawai, pensyarah dan kakitangan yang bertemakan 'Bersama-sama Kita Memacu Kecemerlangan UMS'.

Pada sebelah petang pula, dia-



ABDUL Hamid bertindak sebagai moderator Sesi Town Hall.

dakan taklimat Transformasi Ke Arah Universiti Industri 4.0 oleh Penolong Naib Canselor Prof Dr Marcus Jopony yang juga Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat.

Selepas itu, Kamarudin mengadakan lawatan ke sekitar kampus diiringi Murnizam.

Beliau bersama pegawai utama UMS turut menghadiri program riadah di Bangunan Menara UMS Labuan bagi mengeratkan hubungan antara pengurusan

Ke-220 di Seminar Kiamsam.

Beliau berkata Sesi Town Hall mampu menjadi platform buat kakitangan menentengahkan pendapat yang mampu menyumbang kepada kemajuan UMS.

Ia juga memberi peluang kepada warga UMSKAL untuk terlibat dalam dialog konstruktif bersama pengurusan universiti, memberi ruang kepada ahli akademik dan bukan akademik untuk mengemukakan pandangan, cadangan, hasrat dan



PENSYARAH bertanyakan soalan kepada Naib Canselor mengenai pengajaran dan pembelajaran.

harapan tentang bagaimana UMS bergerak ke hadapan dan terus cemerlang, mengumpul maklumat sebagai rujukan untuk menambah baik pencapaian UMS serta bahan dalam merangka Pelan Strategik UMS 2018-2020.

Beliau turut menerangkan tentang nilai-nilai teras UMS iaitu *Dynamic, Sustainable, Integrity, Justice dan Happiness Index*.

Selain itu, transformasi UMS ke arah universiti/industri 4.0,

mempertingkatkan pengalaman holistik pelajar dan Smart Eco UMS yang merangkumi Pengajaran dan Pembelajaran 4.0, Pentadbiran 4.0 dan Penyelidikan 4.0.

"Semua warga universiti perlu bekerja keras secara pintar untuk mencapai hala tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), industri, masyarakat dan UMS sendiri," katanya.

Mengenai UMSKAL, Kamarudin berkata pihak pengurusan universiti telah, sedang dan akan menambahbaik kemudahan infrastruktur, kemudahan ICT, pengangkutan dan penginapan pelajar selaras dengan kedudukannya sebagai kampus antarabangsa.

Katanya, UMS akan bekerjasama dengan kepimpinan di Wilayah Persekutuan Labuan khususnya Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli bagi memastikan UMSKAL terus cemerlang dan disegani di rantau ini.



MARCUS menyampaikan taklimat mengenai Transformasi Universiti 4.0.



SEBAHAGIAN pensyarah dan kakitangan yang menghadiri Sesi Town Hall UMSKAL.